

13 APR 1998

SAM SAMBUT BAIK CADANGAN BINA EMPANGAN KECIL JAMIN BEKALAN AIR

PULAU PINANG, 13 April (Bernama) -- Sahabat Alam Malaysia (Sam) hari ini menyambut baik cadangan untuk membina empangan bersaiz kecil bagi memastikan bekalan air yang mencukupi.

Presiden Sam, S.M. Mohd Idris hari ini berkata, langkah itu akan dapat menyelamatkan alam sekitar daripada kemusnahan dan ia mudah dikendali serta kos pembinaan juga boleh dijimatkan.

Sam merasa ragu jika empangan yang besar dibina, lebih luas kawasan akan musnah dan keadaan itu akan mengancam alam sekitar dan penduduk tempatan, katanya dalam satu kenyataan di sini.

Sehubungan itu, beliau berkata, lebih banyak kawasan hutan tanah tinggi di setiap negeri perlu diwartakan sebagai kawasan hutan simpanan kekal dan kerajaan juga perlu melaksanakan undang-undang dengan lebih tegas dan berkesan bagi mengawal masalah pencemaran air, yang kini semakin meruncing.

Mengenai arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Kementerian Pertanian membina empangan bagi menangani masalah bekalan air di kawasan jelapang padi dan pertanian seluruh negara, beliau berharap pelaksanaannya akan memberi faedah sepenuhnya kepada golongan terbabit.

Bagaimanapun, Sam membantah projek pembangunan lain di tempat yang sama yang boleh menggagalkan matlamat asal dan fungsi sebenar pembinaan empangan itu, katanya. -- BERNAMA

AHM PR